

Bahagian Sekolah-Sekolah,
Kementerian Pelajaran Malaysia,
Tingkat 12-14, Bangunan Bank Pertanian,
Leboh Pasar Besar,
Kuala Lumpur.

Telefon: 922066

KP. 8591/(99)

25hb. Februari, 1983.

Pengarah Pelajaran Negeri,
Semenanjung Malaysia,
Sabah dan Sarawak.

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1983
Garis Panduan Kempen Anti Merokok di Sekolah-Sekolah

Sekolah mempunyai tanggungjawab untuk mendidik, melindungi dan mencegah murid-murid daripada melibatkan diri dengan amalan merokok kerana merokok boleh merosakkan kesihatan mereka. Maksud merokok di sini termasuklah menghisap rokok atau cerut atau menghisap paip.

2. Guru-guru serta kakitangan-kakitangan sekolah mempunyai peranan dan pengaruh yang kuat dalam menunjukkan contoh dan tauladan yang baik kepada murid-murid. Larangan merokok di bilik-bilik darjah atau di bilik-bilik yang dijadikan bilik-bilik darjah jelas dinyatakan dalam para 38, 'The Registration of School Ordinance, 1950 - School (General) Regulation'. Larangan menghisap rokok ke atas murid-murid sekolah juga telah ditegaskan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6A/1975 bertarikh 5hb. September, 1975.

3. Surat siaran ini adalah bertujuan untuk meminta sekolah-sekolah mengambil langkah-langkah positif bagi menjayakan kempen anti merokok.

4. Berikut adalah garis panduan bagi menjayakan kempen ini.

4.1. Guru-guru dan Kakitangan Sekolah

Menghisap rokok di kawasan sekolah dan dalam mesyuarat-mesyuarat/

6. Harap maklumkan kandungan surat siaran ini dan Garis Panduan dari Surat Pekeliling Am Bilangan 12 Tahun 1982 ini kepada semua sekolah di negeri tuan.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI TAIN)
Bahagian Sekolah-Sekolah,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

s.k.

1. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia.
2. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Dato' Khalil bin Yaakob, Timbalan Menteri Pelajaran.
3. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Dr. Tan Tiong Hong, Timbalan Menteri Pelajaran.
4. Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran.
5. Ketua Pengarah Pelajaran, Kementerian Pelajaran.
6. Timbalan Ketua Setiausaha I, Kementerian Pelajaran.
7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran I, Kementerian Pelajaran.
8. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran II, Kementerian Pelajaran.
9. Timbalan Ketua Setiausaha II, Kementerian Pelajaran.
10. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran.
11. Ketua Jemaah Nazir, Kementerian Pelajaran.
12. Pegawai Khas I kepada Y.B. Menteri Pelajaran.
13. Pegawai Perhubungan Awam, Kementerian Pelajaran.

/sz.